

R B822 DEB ENX
MCA

1985

KUALA LUMPUR, 24 MAC (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MELIHAT WUJUD LAGI PERTELAGAHAN DALAM MCA KERANA PERANANNYA SEBAGAI SALAH SEBUAH PARTI KOMPONEN YANG PENTING DALAM KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

PERDANA MENTERI BERKATA KESAN KEPADA KRISISNYA YANG LALU BUKAN SAHAJA MENJEJASKAN MCA DAN MASYARAKAT CINA TETAPI JUGA IMEJ BARISAN NASIONAL.

UMNO SEBAGAI RAKAN RAPAT TIDAK MAHU MELIHAT MCA BERPECAH SEHINGGA TIDAK BERKESAN SEBAGAI SEBUAH PARTI POLITIK, KATANYA KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA PERAYAAN KE-36 MCA DI SINI.

KATANYA HANYA MCA YANG BOLEH MEWAKILI MASYARAKAT CINA KERANA IA ADALAH SATU-SATUNYA PARTI YANG MEWAKILI MASYARAKAT CINA DALAM KERAJAAN.

PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK BERKESAN BERBUAT DEMIKIAN KERANA SUARA MEREKA BIASANYA TIDAK MENDAPAT PERHATIAN KERAJAAN. -- LAGI
0008MST 25 03 85

0272

R B823 DEB ENX
MCA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT BERNASIB BAIK KERANA SEMUA KAUM DI NEGARA INI MEMPUYAI PARA PEMIMPIN YANG SANGGUP BEKERJASAMA MEMBANGUNKAN NEGARA.

DENGAN KERJASAMA ITU, BELIAU BERKATA NEGARA DAPAT DITADBIR DENGAN BERKESAN SEHINGGA MENCAPI TAHAP PEMBANGUNAN YANG PESAT BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN YANG LAIN.

BELIAU BERKATA PARA PEMIMPIN YANG DIBERI KEPERCAYAAN MESTILAH MENENTUKAN ARAH YANG BETUL DAN MEYAKINKAN RAKYAT SUPAYA DAPAT MENCAPI HASRAT PEMBANGUNAN.

SEBELUM ITU, PEMANGKU PRESIDEN MCA, DATUK DR. NEO YEE PAN BERKATA PENUBUHAN MAJLIS BERSAMA ANTARA MCA DAN GERAKAN ADALAH SATU LANGKAH MENGURANGKAN BIDANG-BIDANG PERBEZAAN DAN MENAMBAHKAN KERJASAMA TERUTAMA DI KALANGAN PARA PEMIMPIN LAPISAN BAWAH.

KATANYA, MELALUI MAJLIS ITU, PERBEZAAN ANTARA MCA DAN GERAKAN DAPAT DIRUMUSKAN DAN PERBADUAN BARISAN NASIONAL DAPAT DIKUKUHKAN TERUTAMA DALAM MENGHADAPI CABARAN-CABARAN PARTI PEMBANGKANG. -- LAGI
0019MST 25 03 85

0273

R B824 DEB ENX
MCA 3 KUALA LUMPUR

DATUK DR. NEO BERKATA SUDAH SAMPAI MASANYA USHA DAN TENAGA DITUMPUKAN KE ARAH PEMBANGUNAN TANPA MEMBAZIRKANNYA UNTUK PERGADUHAN DI DALAM DAN ANTARA PARTI-PARTI.

MCA SENTIASA MENGEKALKAN SUASANA KERJA YANG RAPAT DENGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG LAIN KERANA IA MERUPAKAN UNSUR PERTAMA UNTUK MENENTUKAN PENCAPAIAN PEMBANGUNAN NEGARA TANPA SEBARANG HALANGAN, JELASNYA.

TURUT HADIR ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK PADUKA DATIN SERI DR. SITI HASMAH MOHD. ALI, TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM DAN ISTERINYA, DATIN MARIA MUSA, MENTERI-MENTERI DAN TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI. -- BERNAMA
0023MST 25 03 85